

## **BAB 5**

### **PILIHAN RAYA UMUM 1999**

#### **5.1 – Pengenalan dan latar belakang**

Penantian tarikh pilihan raya 1999 berakhir apabila Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Datuk Omar Hashim mengumumkan pilihan raya pada 29 November 1999, iaitu pada hari Isnin dan penamaan calon ditetapkan pada hari Sabtu, 20 November 1999. Oleh itu, kebanyakan calon diberi masa berkempen sebanyak lapan hari bagi menerangkan manifesto mereka di samping memancing undi dengan menggunakan pelbagai kaedah, terutama sekali ceramah serta kempen dari rumah ke rumah yang selalu diamalkan bagi memastikan parti yang diwakili mereka memenangi dalam pilihan raya ke-10 dan terakhir pada abad ini.

Serentak itu, Parlimen dibubarkan secara rasmi pada 12 November. Pembubaran dilakukan oleh Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir. Pembubaran itu juga serentak dengan Dewan-dewan undangan negeri lain yang dibubarkan pada 11 November, kecuali Sabah dan Sarawak pada 12 November 1999.<sup>1</sup> Seramai 9.5 juta orang akan

---

<sup>1</sup> *Utusan Malaysia*, 12 November 1999, hlm 2.

mengundi dalam pilihan raya 1999 itu. Pengumuman itu menyebabkan anggota polis diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga untuk menghadapi sebarang rusuhan dan demonstrasi kerana sebelum itu sudah banyak rusuhan dan demonstrasi dilakukan di ibu kota, terutama Kuala Lumpur selepas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan sebagai Timbalan Presiden UMNO. Ketua Polis Negara pada masa itu, Tan Sri Norian Mai menegaskan bahawa polis sudah mengambil langkah tertentu bagi mengelak kejadian yang tidak diingini.<sup>2</sup>

Pilihan raya 1999 juga menyebabkan jadual peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terpaksa ditangguhkan kerana kertas peperiksaan itu jatuh pada hari mengundi. Apapun terjadi termasuk rusuhan di jalanan, keputusan pilihan raya 1999 menyebelahi BN apabila menang dengan majoriti 2/3. Sebanyak 102 kerusi Parlimen dimenangi BN dan PAS menawan Terengganu dan Kelantan.<sup>3</sup> Keputusan itu menyaksikan PAS memperolehi 27 kerusi Parlimen, DAP mendapat lapan dan tiga PBS.

BN memenangi 148 kerusi, termasuk satu kerusi menang tanpa bertanding di Sarawak daripada 193 kerusi Parlimen, manakala PAS

---

<sup>2</sup> *Utusan Malaysia*, 12 November 1999, hlm 2.

<sup>3</sup> *Utusan Malaysia*, 30 November 1999, hlm 1.

menambah kerusi Parlimen daripada tujuh pada pilihan raya 1995 kepada 27 kerusi Parlimen.<sup>4</sup> Jadual 5.1 di bawah menunjukkan statistik kedudukan kerusi Parlimen ataupun kerusi Dewan Rakyat mengikut parti dan negeri. Antara parti mewakili BN ialah UMNO, MIC, MCA, Gerakan, PPP, SNAP, PPBB dan SUPP. Manakala, BA dibantu oleh parti seperti PAS, KEADILAN dan PRM.

**Jadual 5.1 – Kedudukan Bilangan Kerusi Parlimen Mengikut Negeri dan Parti**

NEGERI	BN	PAS	KEADILAN	DAP	PBS	JUMLAH
Johor	20	--	--	--	--	20
Kedah	7	8	--	--	--	15
Kelantan	1	10	3	--	--	14
Wilayah Persekutuan	6	--	--	4	--	10
Melaka	4	--	--	1	--	5
Negeri Sembilan	7	--	--	--	--	7
Pahang	11	--	--	--	--	11
Perak	20	2	--	1	--	23
Perlis	3	--	--	--	--	3
Pulau Pinang	6	--	1	4	--	11
Terengganu	-	7	1	--	--	8
Sabah	18	--	--	--	3	21
Sarawak	28	--	--	--	--	28
Selangor	17	--	--	--	--	17
<b>JUMLAH</b>	<b>147</b>	<b>27</b>	<b>5</b>	<b>10</b>	<b>3</b>	<b>193</b>

Sumber : <http://www.spr.gov.com.my>.

<sup>4</sup> Berita Harian, 2 Disember 1999, hlm 2.

Berdasarkan keputusan pilihan raya umum 1999, BN menguasai 147 Parlimen apabila pengundi dari Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Sarawak dan Perlis terus memberi sokongan padu kepada parti-parti komponen BN untuk membolehkan, BN menerajui pemerintah negara ini. PAS pula menguasai 27 kerusi di Parlimen membabitkan dua di Perak, tujuh di Terengganu dan lapan di Kedah. Peningkatan jumlah kerusi Parlimen itu memberi petanda baik kepada PAS untuk memerintah negara jika mereka terus mengekalkan prestasi dalam pilihan raya umum 2003 ataupun 2004 nanti.<sup>5</sup>

Pencapaian parti pembangkang lain dapat dilihat apabila DAP memperolehi 10 kerusi. Seperti biasa, DAP mengekalkan masing-masing empat kerusi di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan dan satu kerusi di Melaka serta satu di Perak. DAP cuba menguasai Pulau Pinang tetapi usaha itu gagal mendapat sokongan sebaliknya rakyat negeri itu terus memberi sokongan kepada Parti Gerakan, sebuah parti komponen BN untuk terus berkuasa di negeri itu.

---

<sup>5</sup> Temubual dengan Mohamed Nasir Che Daud.

KEADILAN agak malang pada pilihan raya 1999, apabila bertanding di banyak kawasan Parlimen di seluruh negara tetapi hanya menguasai 5 kerusi Parlimen, termasuk satu di Permatang Pauh, kawasan Parlimen Datuk Seri Anwar Ibrahim, tiga di Kelantan dan satu di Terengganu membabitkan kawasan Parlimen Kemaman.

**Jadual 5.2 – Kedudukan Bilangan Dewan Undangan Negeri(DUN) Kerusi Mengikut Parti dan Negeri**

NEGERI	BN	PAS	KEADILAN	DAP	JUMLAH
Johor	40	—	--	--	40
Kedah	24	12	--	--	36
Kelantan	2	41	--	--	43
Selangor	42	4	1	1	48
Melaka	21	--	--	4	25
Negeri Sembilan	32	--	--	--	32
Pahang	30	6	1	1	38
Perak	44	3	1	4	52
Perlis	12	3	--	--	15
Pulau Pinang	30	1	1	1	33
Terengganu	4	28	--	--	32
<b>JUMLAH</b>	<b>280</b>	<b>98</b>	<b>4</b>	<b>11</b>	<b>394</b>

Sumber : <http://www.spr.gov.com.my>

Analisis tentang penguasaan DUN dalam pilihan raya 1999 menunjukkan PAS belum mampu menguasai Johor, Negeri Sembilan, dan

Melaka. Parti itu sudah menembusi Pulau Pinang apabila memenangi satu DUN, tiga DUN di Perlis, 6 DUN di Pahang dan empat DUN di Selangor. Penguasaan PAS di Kelantan dan Terengganu adalah biasa kerana pengaruh parti itu memang kukuh di dua negeri Pantai Timur terbabit.<sup>6</sup> Tidak hairanlah, jika PAS menguasai 41 daripada 43 DUN di Kelantan. Cuma kelekaan UMNO, parti komponen BN membolehkan PAS menguasai 28 DUN di Terengganu dan empat DUN sahaja dikuasai BN dalam pilihan raya 1999. Faktor ini dibantu oleh isu-isu besar yang timbul pada pilihan raya umum itu, termasuk pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pengaruh PAS juga merebak ke Pahang apabila PAS menguasai enam daripada 38 DUN. DAP menguasai 11 DUN, termasuk satu di Pulau Pinang kawasan sasaran DAP, selain di Melaka, Selangor, Pahang dan Perak. KEADILAN memperolehi empat DUN, masing-masing satu di Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Selangor.

Dengan keputusan Parlimen dan DUN itu, BN masih memerintah Malaysia. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika diminta mengulas keputusan itu memberitahu, pihaknya menghormati keputusan penduduk di Kelantan dan Terengganu kerana memihak kepada PAS. Saranan yang sama juga dilakukan oleh Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah yang

---

<sup>6</sup> Temubual dengan Haji Husam Musa.

memberitahu, beliau tetap menghormati rakyat Kelantan menolak kepimpinan BN. Rakyat nak PAS, tak mahu kepada UMNO.<sup>7</sup>

Berikutan kemenangan itu, keputusan pilihan raya bagi negeri Kelantan lewat diumumkan oleh media massa berikutan kegagalan BN memperolehi majoriti dua pertiga di seluruh negara pada peringkat awal. Kegagalan itu menyebabkan usaha mengumumkan keputusan bagi semua DUN dan Parlimen di Kelantan ditangguhkan walaupun semua keputusan pilihan raya sudah diperolehi. Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz bagaimanapun mengumumkan secara tidak langsung di Ibu Pejabat PAS, Jalan Dato Pati, pada 30 November 1999 bahawa PAS sudah memenangi pilihan raya umum di Kelantan pada kali ini. Ini bermakna PAS mempertahankan pemerintahannya selama tiga penggal di Kelantan. Nik Aziz ketika ditanya wartawan tentang keputusan pilihan raya umum bagi Kelantan menyatakan;

"Maklumat belum rasmi. Kelantan boleh menubuhkan kerajaan lebih selesa daripada pilihan raya umum lalu. Sekadar itu, saya boleh sebut kerana belum ada keputusan rasmi lagi. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dan meminta semua rakyat Kelantan sembahyang sunat syukur dua rakaat setiap seorang tidak perlu berjemaah. Boleh buat malam ini ataupun esok. Kalau boleh tambah puasa sehari."<sup>8</sup>

---

<sup>7</sup> Berita Harian, 30 November 1999, hlm 2.

<sup>8</sup> Berita Harian, 1 Disember 1999, hlm 28.

Nik Abdul Aziz dalam pertemuan itu turut memberitahu bahawa kemenangan Pas itu disebabkan pertolongan daripada Allah SWT kerana terlalu banyak fitnah dilemparkan oleh BN terhadap PAS dalam pilihan raya umum ini. Menteri Besar Kelantan itu juga menegaskan rakyat Kelantan terus menolak BN dalam pilihan raya ini kerana muak dengan sikap pemimpin BN yang terus menerus melakukan kemungkaran serta terlampau sangat memburuk PAS dalam pilihan raya kali ini. Rakyat Kelantan terlalu membenci BN kerana cara kempennya terlalu teruk apabila menyerang peribadi seseorang akhirnya menikam diri sendiri menyebabkan mereka kalah dalam pilihan raya umum ini di Kelantan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir sehari sebelum pengundian dijalankan pada 29 November 1999 dalam majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Bandaran Kangar, Perlis yakin BN mempunyai peluang cerah di Kelantan kerana barisan pembangkang sudah berpecah kerana ramai pemimpin dan ahli parti hilang keyakinan kepada pemimpin mereka.<sup>9</sup>

Apapun keputusan yang diperolehi dalam pilihan raya umum 1999, sudah pasti pihak yang kalah akan membuat pelbagai dakwaan dan andaian atas kepincangan strategi mereka. Oleh itu, wujud tohmahan mengatakan pihak BN menggunakan taktik kotor untuk memenangi

---

<sup>9</sup> Berita Harian, 28 November 1999, hlm 2.

pilihan raya ini. Pemimpin KEADILAN mengklasifikasikan pilihan raya umum 1999 adalah pilihan raya terkotor dalam sejarah negara.<sup>10</sup>

Pihak pembangkang merasakan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah isu besar yang mampu menaikkan simpati rakyat. Isu itu digunakan sehingga menenggelamkan isu-isu lain.<sup>11</sup> BN pula didakwa oleh BA menggunakan pelbagai kaedah untuk mengalah parti pembangkang dalam pilihan raya apabila jentera pembangkang bertambah apabila semua parti pembangkang bergabung menentang BN.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika ditanya mengenai kemenangan BA di seluruh negara selepas menyampaikan kuliah Jumaat di Bangunan Pas, Kota Bharu, Kelantan pada 26 November 1999 menyatakan peluang untuk BA menang memang ada melainkan disebabkan dua perkara seperti pengundian tanpa landasan demokrasi apabila politik wang berleluasa, pengundi hantu yang susah hendak dibuktikan tetapi perkara itu tetap berlaku. Oleh itu, Nik Abdul Aziz menyerahkan permasalahan itu untuk agak tipis dalam pilihan raya ini. Bagaimanapun, beliau tidak menolak kemungkinan PAS boleh memenangi hampir semua kerusi di Kelantan.

---

<sup>10</sup> Berita Harian, 26 November 1999, hlm 18.

<sup>11</sup> Berita Harian, 26 November 1999, hlm 12.

## **5.2. Analisis Kandungan Berita dalam Berita Harian dan Utusan Malaysia dalam Pilihan raya Umum 1995**

Kajian analisis kandungan pada 1999 agak lebih besar berbanding 1995 kerana banyak berita tentang pilihan raya dan isu dipaparkan dalam akhbar. Malahan jumlah berita bertambah berkali ganda berbanding pilihan raya 1995 walaupun tempoh kajian analisis kandungan agak sama antara satu sama lain. Ini mungkin disebabkan isu pemecatan Timbalan Perdana Menteri yang menyebabkan media massa memberi liputan meluas dalam pilihan raya 1999. Oleh itu, *Utusan Malaysia* menyiarkan 537 ataupun 51.8 peratus dan *Berita Harian* menyiarkan 498 ataupun 48.1 peratus dengan melihat Jadual 5.3 di bawah ini.

**Jadual 5.3 – Jumlah Berita Pilihan Raya 1999**

Akhbar	Jumlah Berita 1999	Peratus (%) 1999
<i>Berita Harian</i>	498	48.1
<i>Utusan Malaysia</i>	537	51.88
Jumlah	1,035	100

Pada tahun 1999, jumlah berita utama muka depan yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* sama apabila 10 berita utama disiarkan dalam kedua-dua akhbar ini. Bagaimanapun, kajian analisis kandungan ini mendapat *Berita Harian* agak lebih

menonjol dalam menyiarkan berita dalam pilihan raya ini berbanding pada 1995 apabila 121 ataupun 48 peratus berita utama muka lain disiarkan dalam akhbar itu berbanding Utusan Malaysia. Bagaimanapun, dengan melihat Jadual 5.4 di bawah menunjukkan *Utusan Malaysia* juga tidak ketinggalan menyiarkan 319 ataupun 63.5 peratus berita halaman lain dalam tempoh kajian itu.

**Jadual 5.4 - Keutamaan Berita Dalam Akhbar**

Keutamaan Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Berita Utama Muka Depan	10 (1.99%)	10 (3.96%)
Berita Utama Kedua	26 (5.17%)	11 (4.36%)
Berita Utama Muka Lain	93 (18.52%)	121 (48%)
Berita Penyendal Atau Kaki (Tiga Perenggan)	54 (10.7%)	36 (14.28%)
Berita Halaman Lain	319 (63.5%)	74 (29.36%)
Jumlah	502 (100%)	252 (100%)

Jika melihat Jadual 5.5 di bawah ini, daripada aspek kategori berita, *Berita Harian* juga meningkatkan jumlah berita apabila 449 ataupun 92 peratus berita umum disiarkan dalam akhbar itu. Jumlah itu agak tinggi berbanding *Utusan Malaysia* dalam tempoh yang sama

hanya menyiarkan 391 ataupun 73.7 peratus. Bagaimanapun, *Utusan Malaysia* banyak menyiarkan bahan berita dalam kategori surat pembaca yang meluahkan perasaan tidak puas hati mereka dan surat yang mengecam parti pembangkang apabila 28 ataupun 5.2 peratus berkaitan dengan perkara itu. *Utusan Malaysia* juga menyiarkan lebih banyak kategori profil calon dan kolumn sebagai pelengkap kepada bahan berita bertemakan politik.

**Jadual 5.5 - Kategori Berita**

Kategori Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Berita Umum	391 (73.7%)	449 (92%)
Rencana	30 (5.6%)	14 (2.8%)
Surat Pembaca	28 (5.2%)	5 (1.0%)
Rencana Pengarang	9 (1.6%)	14 (2.8%)
Lain-lain (Profail, Kolumn dan Sebagainya)	72 (13.5%)	6 (1.2%)
Jumlah	530 (100%)	488 (100%)

Jadual 5.6 di bawah menunjukkan sumber berita adalah aspek penting dalam menyediakan sesebuah berita. Pengkaji turut mengetengahkan sumber berita dalam kajian analisa kandungan ini dengan menekankan kepada kenyataan Perdana Menteri, Timbalan

Perdana Menteri, menteri dan lain-lain dalam usaha mengenal pasti sumber sebenar sesebuah berita dihasilkan oleh wartawan ataupun pemberita.

**Jadual 5.6 - Sumber Dalam Berita**

Sumber Dalam Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Perdana Menteri	57 (12%)	32 (7.9%)
Timbalan Perdana Menteri	32 (6.7%)	19 (4.73%)
Menteri	106 (22.3%)	140 (34.9%)
Timbalan Menteri	23 (4.8%)	13 (3.24%)
Ahli Akademik	12 (2.5%)	14 (3.49%)
Lain-lain	145 (30.5%)	163 (40.6%)
Sumber Tidak Dinyatakan	99 (20.8%)	20 (4.98%)
Jumlah	474 (100%)	401 (100%)

Bagaimanapun, dalam kajian ini *Berita Harian* banyak menggunakan sumber menteri dalam pemberitaannya apabila 140 ataupun 34.9 peratus sumber daripada Perdana Menteri 32 ataupun 7.9 peratus dan 163 ataupun 40.6 peratus daripada sumber berita dalam kategori lain-lain membabitkan ketua cawangan, individu, orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). *Utusan Malaysia* menyiarakan 106 ataupun 22.3 peratus dalam kategori sumber berita daripada menteri dan

Perdana Menteri, menteri dan lain-lain dalam usaha mengenal pasti sumber sebenar sesebuah berita dihasilkan oleh wartawan ataupun pemberita.

**Jadual 5.6 - Sumber Dalam Berita**

Sumber Dalam Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Perdana Menteri	57 (12%)	32 (7.9%)
Timbalan Perdana Menteri	32 (6.7%)	19 (4.73%)
Menteri	106 (22.3%)	140 (34.9%)
Timbalan Menteri	23 (4.8%)	13 (3.24%)
Ahli Akademik	12 (2.5%)	14 (3.49%)
Lain-lain	145 (30.5%)	163 (40.6%)
Sumber Tidak Dinyatakan	99 (20.8%)	20 (4.98%)
Jumlah	474 (100%)	401 (100%)

Bagaimanapun, dalam kajian ini *Berita Harian* banyak menggunakan sumber menteri dalam pemberitaannya apabila 140 ataupun 34.9 peratus sumber daripada Perdana Menteri 32 ataupun 7.9 peratus dan 163 ataupun 40.6 peratus daripada sumber berita dalam kategori lain-lain membabitkan ketua cawangan, individu, orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). *Utusan Malaysia* menyiarakan 106 ataupun 22.3 peratus dalam kategori sumber berita daripada menteri dan

*Berita Harian* menyiarkan 380 ataupun 76.7 peratus berita tidak bergambar, diikuti 107 ataupun 21.6 peratus berita bergambar dan 8 ataupun 1.6 peratus gambar berita.

Turut dikaji dalam penyelidikan ini ialah penulis berita yang menuliskan berita sebelum dedit dan disiarkan. Peranan penulis penting kerana corak sesebuah berita terutama pendahulu (*intro*) difikirkan oleh penulis berita itu sendiri mengikut kefahaman dan pengetahuannya untuk mengolah dalam membuat laporan berita. Lihat Jadual 5.8 di bawah untuk mendapat keterangan lanjut.

**Jadual 5.8 - Penulis Berita**

Penulis Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia 1999</i>	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian 1999</i>
Pemberita Akhbar	433 (80.4%)	475 (97.1%)
Kolumnis	16 (2.97%)	10 (2.0%)
Bernama	38 (7.06%)	4 (0.8%)
Lain-lain	51 (9.47%)	—
Jumlah	538 (100%)	489 (100%)

Dalam hal ini, kebanyakan berita disediakan ataupun ditulis oleh pemberita akhbar itu sendiri. *Berita Harian* menyarkan 475 ataupun 97.1 peratus dan 10 ataupun 2 peratus bahan disediakan oleh kolumnis seperti penulis jemputan ataupun ahli akademik pusat pengajian tinggi. *Utusan Malaysia* juga menyarkan 433 ataupun 80.4 peratus dalam tempoh yang sama tetapi akhbar itu banyak menggunakan bahan berita daripada Bernama apabila 38 ataupun 7 peratus.

Kajian tentang arah berita turut diteliti menerusi Jadual 5.9 dalam penyelidikan ini. Faktor arah berita penting seperti dinyatakan di dalam Bab 4, bahawa arah berita mempengaruhi pengundi jika kena pada tempatnya. Ini menyebabkan akhbar pro kerajaan seperti *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* lebih banyak menyarkan berita positif BN. Hal ini dapat dibuktikan apabila *Berita Harian* menyarkan 321 ataupun 64.4 peratus berita daripada jumlah keseluruhan 498 ataupun 100 peratus menjurus kepada bahan berita positif BN. Begitu juga *Utusan Malaysia* menyarkan 293 ataupun 55.7 peratus daripada jumlah keseluruhan 526 ataupun 100 peratus. Bagaimanapun, *Utusan Malaysia* lebih banyak menyarkan berita negatif pembangkang apabila 104 ataupun 19.7 peratus berbanding 85 ataupun 17 peratus tetapi akhbar itu tidak melupakan menyarkan bahan berita seimbang apabila 101

ataupun 19.2 peratus dan 28 ataupun 5.3 peratus bahan berita yang neutral.

**Jadual 5.9 - Arah Berita**

Arah Berita	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Positif BN	293 (55.7%)	321 (64.4%)
Negatif Pembangkang (P)	104 (19.77%)	85 (17.06%)
Seimbang	101 (19.20%)	85 (17.06%)
Neutral	28 (5.32%)	7 (1.40%)
Jumlah	526 (100%)	498 (100%)

Oleh kerana kebanyakan arah berita sudah positif BN, kajian juga mendapati arah tajuk berita juga terikut-ikut apabila 315 ataupun 63.2 peratus arah tajuk positif BN dalam pilihan raya 1999 dalam *Berita Harian*, diikuti arah tajuk berita yang berunsur negatif pembangkang dan seimbang adalah sama iaitu 85 bahan berita. *Utusan Malaysia* juga menyarkan 104 ataupun 19.7 peratus arah tajuk negatif pembangkang dan 293 ataupun 55.7 peratus arah tajuk positif BN. Semua ini menunjukkan *Utusan Malaysia* memang gemar menyediakan arah tajuk berita yang sensasi dan menghentam pembangkang lebih banyak berbanding *Berita Harian*. Sebagai contoh arah tajuk yang menjuruskan kepada positif BN ialah BN Tiada Masalah Menang Besar, Kenyataan itu dikeluarkan oleh Tan Sri

Khalil Yaakub selaku pengarah pilihan raya BN 1999 yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 24 November 1999. Contoh arah tajuk negatif pembangkang dapat dilihat dengan berita yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 24 November 1999 yang bertajuk Gagal Maufakat BN, iaitu kenyataan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Arah berita seimbang membabitkan tajuk seperti Kuasa Di tangan Rakyat yang disiarkan muka depan akhbar *Utusan Malaysia* pada 29 November 1999 selepas keputusan penuh pilihan raya diperolehi dan diikuti arah tajuk yang agak neutral ialah Berbaik Semula Selepas Pilihan raya juga kenyataan Perdana Menteri yang disiarkan pada 29 November 1999 dalam akhbar yang sama. Lihat Jadual 5.10 di bawah menjelaskan tentang arah tajuk.

#### Jadual 5.10 - Arah Tajuk

Arah Tajuk	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Positif BN	289 (54.9%)	315 (63.25%)
Negatif Pembangkang (P)	106 (20.15%)	81 (16.26%)
Seimbang	95 (18.06%)	89 (17.87%)
Neutral	36 (6.84%)	13 (2.61%)
Jumlah	526 (100%)	498 (100%)

Selain arah tajuk, kategori perolehan berita juga menjadi perhatian dalam kajian ini apabila jumlah siaran berita antara kedua-dua akhbar dalam kajian ini agak mempunyai persamaan berbanding dalam kajian analisis kandungan pada 1995. *Berita Harian* menyiar 60 ataupun 12.6 peratus kategori berita daripada majlis perasmian, 52 ataupun 10.9 peratus dalam kategori ceramah. *Utusan Malaysia* turut menyiar 70 ataupun 13.3 peratus dalam kategori berita majlis perasmian dan 44 ataupun 8.36 peratus dalam kategori ceramah dapat dilihat menerusi Jadual 5.11 di bawah ini

**Jadual 5.11 – Kategori Perolehan Berita**

Kategori Perolehan Berita	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Kenyataan Akhbar	35 (6.65%)	11 (2.31%)
Sidang Akhbar	146 (27.75%)	65 (13.68%)
Majlis Perasmian	70 (13.30%)	60 (12.63%)
Ceramah	44 (8.36%)	52 (10.94%)
Temuramah	34 (6.46%)	8 (1.68%)
Peristiwa	129 (24.52%)	241 (50.73%)
Komentar	68 (12.92%)	38 (8 %)
Jumlah	526 (100%)	475 (100%)

Dalam kajian analisis kandungan ini juga, soal arah tuju penulisan rencana turut dikaji menerusi Jadual 5.12 di bawah ini dalam usaha menilai keberkesanannya penulisan rencana dalam mengubah dan membuat anjakan paradigma di kalangan pengundi. Ini kerana bentuk penulisan rencana yang panjang dan sesuai untuk menjadi elemen penting dalam menerangkan dasar-dasar kerajaan secara terperinci. Kajian ini mendapati pada 1999, *Utusan Malaysia* masing-masing menyarkan 18 ataupun 35.2 peratus rencana berbentuk hujahan dan penjelasan. Berita Harian juga mengambil langkah yang sama masing menyarkan 6 ataupun 28.5 peratus rencana berbentuk hujahan dan penjelasan.

**Jadual 5.12 - Jenis Penulisan Rencana**

Jenis Penulisan Rencana	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Penjelasan	18 (35.29%)	6 (28.57%)
Penceritaan	7 (13.72%)	9 (42.8%)
Hujahan	18 (35.29%)	6 (28.57%)
Pembujukan	8 (15.68%)	---
Jumlah	51 (100%)	21 (100%)

Selain rencana, tema berita turut dikaji kerana setiap berita mempunyai tema. *Berita Harian* banyak memilih tema politik dalam pilihan raya umum 1999 apabila 439 ataupun 88.1 peratus bahan bertemakan politik dan *Utusan Malaysia* memilih tema yang sama apabila 399 ataupun 72.1 peratus berkaitan tema yang sama. Tema agama mendapat perhatian *Utusan Malaysia* apabila 33 ataupun 5.96 peratus bahan berita disiarkan bertema agama. Tema-tema lain seperti ekonomi, budaya dan sosial turut menjadi perhatian dalam kajian ini tetapi agak kurang diketengahkan dalam kajian ini.

**Jadual 5.13 – Tema Sepunya**

Tema Sepunya	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Utusan Malaysia</i> 1999	Jumlah Berita/ Peratus (%) <i>Berita Harian</i> 1999
Politik	399 (72.1%)	439 (88.1%)
Ekonomi	49 (8.86%)	28 (5.62%)
Sosial	52 (9.4%)	19 (3.8%)
Budaya	20 (3.61%)	4 (0.8%)
Agama	33 (5.96%)	8 (1.6%)
Jumlah	553 (100%)	498 (100%)

### **5.3 – Isu-isu Yang Mendapat Perhatian Dalam Pilihan raya Umum 1999**

Pilihan raya 1999 mendapat perhatian semua pihak kerana kes pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno dan jawatan Timbalan Perdana Menteri yang menyebabkan berlakunya penubuhan KEADILAN bagi menentang Umno dan BN. KEADILAN bergabung dengan BA dalam memastikan kerajaan sedia boleh disingkirkan. Tidak cukup dengan itu, isu tentang PAS turut mendapat perhatian, terutama penubuhan negara Islam. Berikut antara isu yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* dalam tempoh kajian terbabit.

#### **a. Pakatan Pembangkang Longgar**

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pakatan pembangkang dalam pilihan raya umum 1999 yang ke-10 adalah bersifat sementara.<sup>12</sup> Pakatan itu hanya untuk membahagikan kerusi kerana selepas pilihan raya mereka akan bertumbuk semula. Kelonggaran pakatan pembangkang itu ditokok tambah lagi dengan iklan di surat khāabar yang menggambarkan pemimpin pembangkang seperti Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor sebagai seorang yang ke hulu, Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang sebagai ke hilir dan Datuk Seri Anwar yang mewakili KEADILAN sebagai sakit kepala. Ketiga-tiga pemimpin utama itu

---

<sup>12</sup> *Mingguan Malaysia*, 21 November 1999, hlm 4.

digambarkan sebagai tidak sehaluan dan tidak mampu untuk memerintah negara.

Malahan pakatan itu dianggap sebagai meniru cara pemuaafakatan yang dilakukan oleh BN, tetapi pakatan mereka kelam-kabut. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan ini terbukti apabila wujud pakatan untuk satu lawan satu dalam pilihan raya umum, tetapi disebabkan tiada sefahaman menyebabkan berlaku perlawanan sesama sendiri demi kepentingan parti yang diwakili.<sup>13</sup>

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengakui pakatan pembangkang yang dianggotai oleh PAS, KEADILAN, DAP dan PRM masih merupakan gagasan yang kecil berbanding BN. Disebabkan itu, kalangan dalam pembangkang berani melanggar peraturan ditetapkan sehingga berlaku pertindihan sesama sendiri ketika penamaan calon.<sup>14</sup>

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar Baba pula mengatakan Malaysia akan mempunyai dua Perdana Menteri, jika parti pembangkang memerintah negeri ini. Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor

---

<sup>13</sup> *Utusan Malaysia*, 24 November 1999, hlm 2.

<sup>14</sup> *Utusan Malaysia*, 24 November 1999, hlm 8.

akan menjadi Perdana Menteri di bahagian Utara dan Setiausaha Agong DAP, Lim Kit Siang akan menjadi Perdana Menteri di bahagian Selatan.<sup>15</sup>

### **b. Agama (Negara Islam)**

Isu pembentukan negara Islam tidak banyak disentuh dalam pilihan raya umum 1999. Malahan dalam isu ini, Mursyidul Am PAS terus berdolak-dalik dengan isu terbabit dengan mengatakan matlamat penubuhan negara itu tidak ada dalam perlumbagaan PAS. Perlumbagaan parti itu hanya menyebut untuk membentuk masyarakat Islam, bukan menubuhkan negara Islam.<sup>16</sup> Dalam isu yang sama, Perdana Menteri juga menyifatkan PAS sebagai lidah bercabang kerana sering mengubah pendirian mengikut tempat dan keadaan bagi kepentingan politik mereka. Parti PAS di hadapan penyokong mereka berjanji akan mewujudkan negara Islam, tetapi ketika berucap di hadapan pemimpin DAP, mereka tidak menyebut perkara itu.<sup>17</sup>

---

<sup>15</sup> *Utusan Malaysia*, 22 November 1999, hlm 8.

<sup>16</sup> *Utusan Malaysia*, 27 November 1999, hlm 1.

<sup>17</sup> *Berita Harian*, 27 November 1999, hlm 2.

Nik Abdul Aziz menegaskan bahawa matlamat menujuhkan negara Islam tidak ada dalam perlembagaan PAS dan yang disebut dalam perlembagaan parti itu hanya mewujudkan masyarakat Islam, bukan menujuhkan negara Islam. Idea menujuhkan negara Islam terbawa-bawa dengan perlembagaan PAS di zaman Datuk Mohd Asri Muda dan ia sudah dibuang kerana cadangan menujuhkan negara Islam boleh menimbulkan rasa takut dalam hati kerana gambaran yang diberikan oleh orang Eropah bahawa negara Islam adalah ekstrem.<sup>18</sup>

### **c. Pembangunan**

Nik Abdul Aziz memberi komen tentang kemenangan PAS di Kelantan menjelaskan bahawa isu pembangunan sudah tidak menjadi tarikan kepada rakyat sekarang. Beliau menyatakan:

Negeri ada pembangunan (Terengganu) pun kalah. Pembangunan sudah tidak menjadi tarikan kepada rakyat sekarang kerana parti yang mana memerintah sekalipun secara automatik akan mengadakan pembangunan. Maka laungan pembangunan sudah lagi tidak diterima melainkan di zaman sesudah pemerintahan Jepun dahulu boleh jadi rakyat menerimanya. Orang universiti sudah masuk kampung dan orang kampung sudah jadi orang universiti sekarang, mereka (orang kampung) tahu semua. Oleh yang demikian, kita mesti fikir sekarang kenapa di Terengganu, orang pilih PAS. UMNO

---

<sup>18</sup> *Utusan Malaysia*, 27 November 1999, hlm 1.

sudah mengalami kekalahan teruk, orang sudah cemuh dan mual dengan UMNO<sup>19</sup>

Sebagai contoh, projek pembangunan yang bakal dibangunkan di Terengganu membabitkan pembesaran lapangan terbang yang bakal menelan kos RM200 juta. Lapangan terbang itu boleh mengendalikan dua pesawat B-747 dan tiga pesawat Airbus pada satu-satu masa. Ia juga boleh mengendalikan operasi haji bagi jemaah haji Pantai Timur selain pelancongan.<sup>20</sup> Begitu juga pengumuman tentang projek pembangunan di bandar Jeli yang akan menjadi pusat pertumbuhan ekonomi baru dan pemangkin industri yang dilancarkan oleh bekas Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed juga tidak mampu mengubah rakyat Kelantan memilihnya ketika bertanding di Parlimen Jeli.<sup>21</sup>

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapannya di Georgetown, Pulau Pinang menyatakan kerajaan sentiasa menjalankan tanggungjawabnya terhadap rakyat secara bersungguh-sungguh. Walaupun dilanda kegawatan ekonomi, pembangunan akan tetap dijalankan.<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup> *Berita Harian*, 1 Disember 1999, hlm 2.

<sup>20</sup> *Utusan Malaysia*, 27 November 1999, hlm 22.

<sup>21</sup> *Utusan Malaysia*, 29 November 1999, hlm 22.

<sup>22</sup> *Berita Harian*, 29 November 1999, hlm 2.

**d. Harun Din Tidak Dapat Bertanding.**

Pendakwah bebas dan tokoh PAS, Datuk Dr. Harun Din dijangka bertanding atas tiket PAS untuk menentang Perdana Menteri di kawasan Parlimen Kubang Pasu. Kemudian, Harun Din dicadangkan untuk bertanding menentang Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim di kawasan DUN Tambun Tulang, Perlis. PAS dijangka dapat menawan Perlis dan meletakkannya sebagai Menteri Besar negeri itu. Bagaimanapun, Dr. Harun Din tidak dapat bertanding apabila menjadi penjamin kepada seorang rakannya yang telah mlarikan diri membabitkan pinjaman RM1.7 juta daripada sebuah institusi kewangan.<sup>23</sup> Dr. Harun Din cuba memohon tempoh seminggu untuk membuat pembayaran tetapi ditolak oleh bank itu. Keadaan itu menyebabkan Dr Harun Din tidak dapat bertanding kerana gagal melunaskan hutang yang dijaminnya. Isu itu dipaparkan oleh akhbar beberapa hari sehingga parti pembangkang menuduh Perdana Menteri mempunyai fail tertentu Dr. Harun Din bagi membolehkan mereka mencegahnya daripada bertanding.

Perdana Menteri menafikan dia mempunyai fail kes muflis Dr. Harun Din sehingga ulama PAS itu tidak dapat bertanding.

---

<sup>23</sup> *Utusan Malaysia*, 22 November 1999, him 1.

Bagaimanapun, beliau mengakui BN mungkin menggunakan perkara itu sebagai isu pilihan raya, jika Dr. Harun Din bertanding walaupun tidak layak. Ini kerana orang bankrap tidak boleh bertanding.<sup>24</sup>

Dalam isu yang sama, Perdana Menteri juga berseloroh dalam dialek Kedah mengenai Dr. Harun Din kepada pemberita dengan mengatakan "Dепа kata Harun Din nak lawan saya. Saya dok tunggulah, dia ni doktor (Ph.D) juga tetapi jual air jampi."<sup>25</sup> Bekas pensyarah sebuah universiti tempatan itu ketika ditanya tentang isu berkenaan enggan mengulas lanjut, sebaliknya meminta wartawan bertanya soalan itu kepada PAS Perlis. Dr Harun Din menganggapnya sebagai calon simpanan walaupun desas desus sebelum itu, beliau akan menentang Perdana Menteri. Pelbagai andaian timbul tentang kegalanannya untuk bertanding sehingga ada pihak tertentu berpendapat PAS Perlis mengetepikan Dr. Harun Din kerana ada kaitan dengan percaturan politik dalaman PAS Perlis yang tidak mahu beliau dilantik menjadi Menteri Besar jika menang di Perlis.

---

<sup>24</sup> Berita Harian, 22 November 1999, hlm 8.

<sup>25</sup> Mingguan Malaysia, 21 November 1999, hlm 3.

### **e-Kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.**

Kes pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO memang menjadi isu hangat dalam pilihan raya umum 1999. Gambar Anwar Ibrahim yang dilabelkan sebagai pejuang agama Islam dan bangsa Melayu menari dengan seorang gadis Cina dalam satu majlis bersuka ria eksklusif golongan elit di Kuala Lumpur<sup>26</sup> disiarkan di beberapa media cetak.

Media massa juga memaparkan kenyataan Anwar Ibrahim ketika dalam UMNO yang mengutuk PAS dan DAP sebelum mereka bergabung dalam BA. Antara tajuk akhbar itu ialah "Waspadai taktik kotor DAP dan PAS"; "Anwar ingatkan PAS, Islam bukan mainan"; "Anwar hairan PAS ikut DAP" dan "Anwar kecam Ulama2 PAS yang seronok umat Islam dimaki hamun".<sup>27</sup>

Selain itu, paparan kisah lampau Anwar Ibrahim juga menjadi tumpuan apabila akhbar memaparkan berbagai-bagai wajah bakal Perdana Menteri itu apabila dianggap pemimpin revolusi; pejuang Islam; penghibur dan iman besar Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Paparan itu bagi membezakan perwatakan Dr. Mahathir yang penuh

---

<sup>26</sup> *Utusan Malaysia*, 28 November 1999, hlm 4.

<sup>27</sup> *Utusan Malaysia*, 29 November 1999, hlm 24.

dengan kesetiaan, ketaatan; persahabatan; bermaaf-maafan; wawasan serta perjuangan dan kemanusiaan. Dr Mahathir juga digambarkan sebagai personaliti yang mempunyai ketenangan, kegigihan, komitmen dan keberanian.<sup>28</sup>

Paparan kisah lampau, Datuk Seri Anwar Ibrahim berterusan apabila Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin yang pernah menjadi rakan karib Anwar mendedahkan perangai buruk rakannya itu apabila mengatakan, "kalau saya dikatakan suka perempuan, Anwar lebih lagi. Siapa tidak suka perempuan, tetapi saya tidak buat salah laku sepertinya."<sup>29</sup> Tidak cukup dengan itu, ada pihak tertentu mengedarkan pita video lucu membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin PAS, Mohamad Sabu di beberapa kawasan untuk mempengaruhi pengundi. Pengedaran video bertajuk "Siapa Anwar?" dan "Skandal Seks Mat Sabu" dianggap taktik jahat BN. Ketua Pemuda KEADILAN Bandar Tun Razak, Mohd Zainuddin Amra dan Ketua Bahagian KEADILAN Cheras, Onn Abu Bakar membuat laporan polis berhubung pengedaran pita video itu.<sup>30</sup>

<sup>28</sup> *Utusan Malaysia*, 27 November 1999, hlm 5.

<sup>29</sup> *Berita Harian*, 23 November 1999, hlm 6.

<sup>30</sup> *Berita Harian*, 26 November 1999, hlm 18.

#### **f. Parti Pembangkang Terima Bantuan Asing.**

Isu parti politik yang menerima bantuan asing dianggap sebagai boneka kerajaan asing banyak ditumpukan kepada DAP dan KEADILAN. Parti KEADILAN kerana Anwar Ibrahim mempunyai hubungan kukuh dengan kerajaan asing sebelum dipecat oleh Perdana Menteri. Dakwaan itu dilakukan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang meminta kerajaan menyiasat cubaan beberapa suruhanjaya tinggi dan kedutaan asing di negara ini memberi bantuan kepada ahli politik pembangkang.<sup>31</sup>

Isu itu berlarutan beberapa hari sehingga akhbar memaparkan berita tentang isu itu di muka hadapan akhbar masing-masing. Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengatakan Wisma Putra mempunyai bukti kukuh akan wujudnya perwakilan asing yang menghulurkan bantuan kepada parti pembangkang bagi membantu kemenangan pilihan raya umum.<sup>32</sup> Isu itu bertambah rumit apabila Timbalan Setiausaha Agung DAP Pusat, Abdul Muluk Daud yang keluar daripada parti itu mendedahkan DAP pernah menerima sumbangan daripada negara asing bagi menjalankan kegiatannya. Abdul Muluk membuat pendedahan itu di hadapan Perdana Menteri.<sup>33</sup>

---

<sup>31</sup> *Utusan Malaysia*, 24 November 1999, him 1.

<sup>32</sup> *Utusan Malaysia*, 26 November 1999, him 1.

<sup>33</sup> *Mingguan Malaysia*, 28 November 1999, him 1.

Kesimpulannya dalam isu ini, jurucakap rasmi BA, Rustam Abdullah Sani akhirnya mengatakan pihaknya tidak menolak kemungkinan ada calonnya di kalangan pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) menerima bantuan kewangan daripada rakyat asing dan ia menjelaskan NGO bebas mencari sumber kewangan dan perkara itu bukan dalam kawalan gabungan parti pembangkang.<sup>34</sup>

#### **5.4 – Pemaparan Iklan Bermotifkan Politik.**

Paling menarik dalam pilihan raya umum 1999 ialah penyiaran iklan berunsur politik yang tidak pernah dilakukan sebelum ini. Pengkaji turut memaparkan beberapa petikan iklan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* sepanjang tempoh kempen pilihan raya antara 20 hingga 29 November 1999. Antaranya:

1. Islam bukan terletak pada parti, Islam terletak dalam hati.
2. Parti pembangkang mana ada rekod kemajuan. Cuma ada rekod buat kacau dan rusuhan.
3. Dia Mahu Hudud (Fadzil Noor); Tapi DAP kata' "Langkah mayat saya dulu (Lim Kit Siang) dan Dia sakit kepala (Anwar Ibrahim).
4. PAS kata hanya ulama mampu memerintah negara (Fadzil Noor); Tapi dia mahu jadi Perdana Menteri (Lim Kit Siang) dan Dia masih sakit kepala (Anwar Ibrahim).

---

<sup>34</sup> *Berita Harian*, 27 November 1999, hlm 19.

5. PAS + DAP + ADIL + PRM – Tak Berpendirian, Tak Sehaluan, Tak Berpengalaman dan Logo Pun Tidak Ada.

Iklan lain yang mencetuskan kontroversi ialah gambaran dua pemimpin iaitu Antara Dua Wajah (Lampiran 4) memaparkan di sebalik tabir antara Dr Mahathir Mohamad dan Anwar Ibrahim. Isteri Anwar Ibrahim juga menjadi bahan iklan apabila dipaparkan Wan Azizah tidak percayakan suami (Lampiran 5) dan tentang wawasan pemimpin pembangkang (Lampiran 6). Penggunaan iklan itu memang meluas bagi mempengaruhi rakyat sebelum membuang undi. Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), tidak menghalang penggunaan media sebagai kaedah berkempen seperti yang sedang dilakukan parti politik. Pengurus SPR, Datuk Omar Mohamad Hashim menjelaskan kaedah itu tidak bercanggah dengan peraturan dan semua parti politik bebas berbuat demikian bagi meraih simpati pengundi.<sup>35</sup>

### 5.5 – Kesimpulan

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati isu pilihan raya yang dikemukakan tidak jauh berbeza antara pilihan raya umum 1995 dengan

---

<sup>35</sup> Berita Harian, 27 November 1999, hlm 16.

1999, tetapi pilihan raya 1999 lebih meriah apabila isu pemecatan dan kes mata lebam Datuk Seri Anwar mengatasi segala isu lain.

Pada tahun 1995, terdapat empat isu utama yang timbul, iaitu pakatan pembangkang yang longgar, agama membabitkan muzakarah dan kafir mengkafir, perkauman dan pembangunan. Pada pilihan raya umum 1999, terdapat enam isu utama, tetapi tiga daripada isu itu, (pakatan pembangkang longgar, agama dan pembangunan) sama seperti pilihan raya 1995. Tiga isu itu berterusan dalam kempen pilihan raya kali ini. Cuma isu agama lebih tertumpu kepada pembentukan negara Islam, bukan lagi kafir-mengkafir dan muzakarah. Isu kafir-mengkafir tenggelam seketika kerana isu kes Anwar. Bagaimanapun, ia tetap dibincangkan dalam media meskipun tidak diperbesar-besarkan.

Isu pakatan pembangkang yang longgar menjadi isu wajib kerana parti pembangkang asyik bertukar pasangan ketika menghadapi BN dalam pilihan raya. Kalau dahulu PAS tidur sebantal dengan S46 dalam APU dalam pilihan raya umum 1995, kini PAS dalam BA bersama KEADILAN, PRM dan DAP. Kenalan baru yang masih belum kukuh ikatannya.

Pembangunan, merupakan isu yang paling diminati oleh BN. Ini kerana pemimpin BN percaya pencapaian pembangunan, peningkatan

prestasi ekonomi negara dan rekod cemerlang pentadbiran membolehkan mereka menang dalam pilihan raya. Faktor itu dibantu oleh manifesto BN dalam pilihan raya umum 1999, "Malaysia Bebas Sepadu Maju" – menjurus kepada keamanan, kemakmuran, kesepaduan dan kestabilan politik.

Tambahan tiga isu lain membabitkan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim yang disampaikan menerusi ceramah dan kempen yang ditetapkan sehingga tepat jam 12 malam, iaitu lapan jam sebelum proses pembuangan undi pada 28 November 1999. Dalam sejarah politik Malaysia, isu itu paling panjang, iaitu sejak beliau dipecat daripada UMNO dan kerajaan pada 28 September 1998.

Keadaan itu ditambah lagi dengan isu pendakwah bebas yang terkenal dan tokoh PAS, Profesor Datuk Dr. Harun Din yang juga bekas seorang pensyarah tidak dapat bertanding disebabkan masalah teknikal. Masalah membabitkan hutang itu menyebabkan hasratnya tidak kesampaian, sebaliknya menjadi bahan kutukan pemimpin BN dalam kempen pilihan raya.

Isu paling akhir ialah membabitkan parti pembangkang yang menggunakan wang daripada kedutaan dan perwakilan asing untuk menentang BN dalam pilihan raya 1999. Isu ini timbul kerana DAP dan KEADILAN mempunyai hubungan baik dengan pemimpin luar negara

pada masa itu termasuk Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore yang menyokong reformasi jalanan bagi membebaskan Datuk Seri Anwar. Atas dasar itu, KEADILAN dan DAP menghadapi kecaman kuat daripada BN yang mengatakan mereka adalah boneka kepada perwakilan asing.

Walaupun wujudnya perbezaan isu antara pilihan raya 1995 dan 1999, kebanyakan pemimpin parti pembangkang berpandangan bahawa kemenangan BA boleh dicapai dalam pilihan raya umum 1999, jika lebih 600,000 pengundi baru yang didaftarkan, boleh mengundi. Kebanyakan pengundi baru itu ialah golongan muda yang didakwa benci dengan kepimpinan negara sekarang serta bersimpati dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Simpati ini jelas apabila Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pernah meminta kerajaan, terutama Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyemak semula kes Datuk Seri Anwar demi rakyat dan senario politik negara ini. Pihak kerajaan juga diminta mengkaji semula kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim.